

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI TINGKAH LAKU KEWANGAN DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

**MUHAMMAD SYAREEL NIZAM BIN ARIS
NORLITA BINTI ZAINUDIN¹**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Pengurusan kewangan amat penting bagi setiap individu sama ada yang telah bekerjaya mahu pun yang masih bergelar pelajar. Kegagalan individu menguruskan kewangan peribadi dengan baik, terutamanya dalam hal berkaitan hutang boleh mengundang pelbagai masalah sehingga boleh membawa kepada pengistiharan sebagai individu bankrap. Peningkatan dalam kes kebangkrutan yang didaftarkan di Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) adalah suatu perkara yang menjadi kebimbangan banyak pihak. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku kewangan dalam kalangan pelajar di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dengan data utama dikumpulkan melalui pengedaran borang soal selidik kepada 400 responden daripada enam buah fakulti. Sebanyak 367(91.8%) borang soal selidik yang lengkap telah dianalisa menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 21. Daripada dapatan ujian kolerasi yang dijalankan, tiga pembolehubah tidak bersandar meliputi pengetahuan kewangan, sikap dan pengaruh rakan telah dibuktikan sebagai faktor-faktor yang signifikan mempengaruhi tingkah laku kewangan pelajar.

Kata kunci: Tingkah laku kewangan, Pengetahuan kewangan, Sikap, Pengaruh rakan, Pelajar

PENGENALAN

Pengurusan kewangan individu adalah sangat penting kerana ia dapat menyumbang kepada kesejahteraan kewangan individu (Chavali et al., 2021). Kesejahteraan kewangan individu amat bernilai kerana ia dapat mengurangkan tahap kemiskinan di sesebuah negara (Iramani & Lutfi, 2021). Antara faktor penting yang menyumbang kepada kesejahteraan kewangan adalah pengetahuan kewangan (Iramani & Lutfi, 2021). Pengetahuan kewangan dapat meningkatkan pemahaman berkaitan kewangan dan seterusnya dapat mengembangkan idea berkaitan pengurusan kewangan, yang bermanfaat bukan sahaja kepada individu tetapi juga kepada masyarakat (Nyoto et al., 2021). Dengan pengetahuan kewangan yang mencukupi, individu dapat mempraktikkan pengurusan kewangan peribadi dengan baik, dan boleh memperuntukkan pendapatan kepada perbelanjaan secara berhemah (Susanti & Widiastuti, 2021). Pelbagai

¹ *Corresponding author:* norlita@kuis.edu.my

masalah kewangan seperti perbelanjaan yang melebihi pendapatan dan hutang yang berlebihan juga dapat dielakkan.

Selain pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan juga telah dikenalpasti sebagai salah satu faktor penentu kepada kesejahteraan kewangan (Iramani & Lutfi, 2021). Tingkah laku kewangan merujuk kepada tingkah laku manusia yang berkaitan dengan pengurusan kewangan seperti pengurusan aliran tunai, pengurusan hutang, simpanan, dan pelaburan (Nyoto et al., 2021). Individu yang berjaya mempraktikkan tingkah laku kewangan yang baik akan dapat menguruskan kewangan peribadi dengan baik, dan dapat mengelakkan pelbagai masalah kewangan termasuklah disenarai hitam oleh pihak bank dan diisytiharkan bankrap.

Statistik kebangkrutan 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) merekodkan angka yang sangat membimbangkan. Sehingga Disember 2020, kes kebangkrutan yang ditadbir oleh JIM adalah sebanyak 294,371 kes. Statistik yang dikeluarkan oleh pihak JIM ini menunjukkan bahawa sebab utama berlakunya kebangkrutan ini adalah kerana kegagalan individu untuk menguruskan bayaran pinjaman yang dibuat dengan pihak bank. Kegagalan melunaskan pembayaran pinjaman peribadi merupakan sebab utama kebangkrutan yang berlaku di Malaysia dengan 26,428 kes bagi tempoh lima tahun iaitu 2016 hingga 2020. Selain daripada pinjaman peribadi, sewabeli kenderaan, pinjaman perumahan, pinjaman perniagaan, dan hutang kad kredit juga merupakan sebab-sebab berlakunya kes-kes kebangkrutan di Malaysia (Jabatan Insolvensi Malaysia, 2020).

Berdasarkan pernyataan-pernyataan di atas dapatlah disimpulkan bahawa individu perlu mempunyai tingkah laku kewangan yang baik bagi mengelakkan diri dari terlibat dengan masalah kewangan. Masalah kewangan yang serius seperti kegagalan membayar hutang boleh membawa kepada pengistiharan sebagai individu bankrap. Ianya akan memberi impak negatif bukan sekadar kepada individu berkenaan sahaja, bahkan kaum keluarga terdekat juga akan turut terkesan secara tidak langsung.

Laporan yang diterbitkan oleh RinggitPlus menunjukkan bahawa tingkah laku kewangan rakyat Malaysia pada tahun 2020 tidak banyak berubah berbanding tahun 2019. Dapatan kajian tersebut membuktikan majoriti responden (46%) membelanjakan kesemua pendapatan mereka, manakala 53% responden tidak mempunyai simpanan yang banyak sehingga mereka tidak mampu bertahan melebihi tiga bulan sekiranya mereka kehilangan pekerjaan (Malaysian Financial Literacy Survey, 2020).

Justeru, kajian ini dijalankan bagi mencari jawapan kepada persoalan, apakah faktor-faktor penyumbang kepada tingkah laku kewangan dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Pemilihan faktor penyumbang ini adalah berdasarkan kajian terdahulu yang mengkaji faktor penyumbang yang sama iaitu pengetahuan kewangan, sikap dan pengaruh rakan. Selari dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan di antara pengetahuan kewangan, sikap, dan pengaruh rakan dengan tingkah laku kewangan.

Penyelidikan ini memfokuskan kepada pelajar kerana mereka akan memperoleh dan menguruskan pendapatan mereka sendiri, membuat pelaburan di pasaran modal dan di pasaran wang, dan akan memainkan peranan penting dalam sektor ekonomi, juga sebagai pemimpin dalam masyarakat dan negara pada masa hadapan (Karunaanithy et al., 2017). Pelajar yang kurang pengetahuan kewangan boleh menyebabkan kesukaran kewangan mereka meningkat dan berterusan dalam jangka masa yang panjang (Ibrahim et al., 2009). Lebih membimbangkan, pelajar juga termasuk dalam golongan individu bankrap dengan statistik terkini sebanyak 73 kes iaitu 0.10% daripada keseluruhan 74,699 kes bagi tempoh 2016 sehingga 2020 (Jabatan Insolvensi Malaysia, 2020).

SOROTAN LITERATUR

Tingkah Laku Kewangan

Tingkah laku kewangan yang baik akan membawa kesan yang baik kepada individu, terutamanya dalam membuat peruntukan pendapatan dan perbelanjaan berdasarkan keperluan, bukannya kehendak (Susanti & Widiastuti, 2021). Tingkah laku kewangan merujuk kepada tingkah laku seseorang dalam menguruskan kewangan. Ianya merupakan tanggungjawab seseorang individu dalam pengurusan kewangan peribadi, meliputi pengurusan wang simpanan, pelaburan, aliran tunai, dan pengurusan kredit (Nyoto et al., 2021).

Tingkah laku kewangan individu berkait rapat dengan objektif perancangan kewangannya (Khoong, 2016). Ini bermakna, tingkah laku kewangan bergantung kepada cara individu merancang perbelanjaan seharian. Jika seseorang individu itu tidak dapat merancang kewangan peribadinya dengan baik, maka ianya akan turut menjejaskan tingkah laku kewangannya.

Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Tingkah Laku Kewangan

Kajian lepas mendapati bahawa antara faktor-faktor penyumbang kepada tingkah laku kewangan meliputi pengetahuan kewangan, sikap dan pengaruh rakan (Nyoto et al., 2021; Radianto et al., 2020; Susanti & Widiastuti, 2021; Yong et al., 2018). Walaupun telah banyak kajian yang dijalankan, faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku kewangan masih tidak dapat disimpulkan (Radianto et al., 2020). Seperti contoh, kajian yang dijalankan oleh Yong et al. (2018), dan Wijaya dan Yanuar (2021) mendapati bahawa pengetahuan kewangan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku kewangan, sementara kajian yang dijalankan oleh Prihartono et al. (2018) membuktikan bahawa tiada hubungan yang signifikan di antara pengetahuan kewangan dengan tingkah laku kewangan. Begitu juga dengan kajian Ahmad et al., (2019) yang menyimpulkan bahawa sikap adalah penyumbang signifikan kepada tingkah laku kewangan, namun kajian Rizkiawati dan Asandimitra (2018) membuktikan sebaliknya.

Individu yang mempunyai pengetahuan kewangan akan lebih berpeluang untuk memperbaiki tingkah laku kewangan mereka (Mandell & Klein, 2009). Pelajar yang mempunyai tahap pengetahuan kewangan yang tinggi lebih cenderung untuk menabung (Kotzé & Smit, 2008) dan dapat membuat keputusan kewangan yang lebih baik (Sabri et al., 2010). Ini bermaksud, semakin tinggi pengetahuan kewangan individu, semakin baik tingkah laku kewangan mereka. Oleh itu, hipotesis 1 adalah seperti berikut:

H1: Terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan kewangan dengan tingkah laku kewangan.

Sikap individu juga dibuktikan mempengaruhi tingkah laku kewangan individu secara signifikan (lihat seperti contoh dalam Ahmad et al., 2019; Herdjiono & Damanik, 2016; Prihartono et al., 2018). Sikap individu adalah merujuk kepada kepercayaan atau pendapat yang melibatkan penilaian tentang sesuatu objek, individu atau sesuatu kejadian. Ia kemudiannya akan mempengaruhi perlakuan individu tersebut dengan cara yang khusus terhadap objek, individu atau kejadian yang dinilai (Plotnik & Kouyoumdjian, 2008). Sikap yang baik akan mempengaruhi tingkah laku individu secara positif (Ahmad et al., 2019). Menurut Pradiningtyas dan Lukiastuti (2019), sikap berkaitan kewangan adalah penting dalam pengurusan kewangan peribadi seseorang. Dengan mempunyai sikap kewangan yang baik, individu akan dapat menguruskan kewangan dengan baik juga. Tanpa pengurusan kewangan yang baik, sukar bagi individu untuk mempunyai lebihan wang bagi simpanan masa hadapan, apatah lagi mempunyai modal untuk melabur.

Semakin baik sikap seseorang dalam menguruskan kewangan maka semakin baik tingkah laku kewangannya (Pradiningtyas & Lukiastruti, 2019) Kajian yang dilakukan oleh Othman (2017) membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dengan tingkah laku kewangan yang berkaitan perancangan kewangan. Berdasarkan perbincangan di atas, hipotesis 2 adalah seperti berikut:

H2: Terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dengan tingkah laku kewangan.

Selain pengetahuan kewangan dan sikap, pengaruh rakan juga dibuktikan menyumbang secara signifikan terhadap tingkah laku kewangan (Kamala Azmi & Othman, 2017). Rakan sebaya merujuk kepada sahabat yang mempunyai umur, latar belakang dan minat yang lebih kurang sama, serta mempunyai pengaruh yang ketara kepada individu. Pengaruh rakan sebaya merupakan faktor yang mempengaruhi pelajar dalam amalan pengurusan pembiayaan pendidikan mereka (Sabri et al., 2010). Rakan sebaya memainkan peranan penting dalam pembuatan keputusan kewangan pelajar kerana pelajar mempunyai kurang berpengalaman dan selalu bergantung harap kepada rakan untuk membantu proses pembuatan keputusan (Lieber & Skimmyhorn, 2018). Individu belajar melalui interaksi mereka dengan persekitaran mereka, terutamanya golongan yang mereka banyak menghabiskan masa bersama seperti rakan sebaya (Jorgensen, 2007). Pernyataan-pernyataan ini membawa kepada hipotesis 3 seperti di bawah:
H3: Terdapat hubungan yang signifikan di antara pengaruh rakan dengan tingkah laku kewangan.

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan. Data utama bagi kajian ini dikumpul menggunakan borang soal selidik yang diedarkan secara bersemuka. Populasi kajian ini adalah para pelajar KUIS seramai 8229 orang. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan rawak mudah. Persampelan rawak mudah melibatkan pemilihan sampel yang dibuat secara rawak bagi mewakili populasi. Berpanduan kepada kaedah penentuan jumlah sampel berdasarkan jumlah populasi, jumlah sampel adalah seramai 367 orang (Krejcie & Morgan, 1970). Sebanyak 400 borang soal selidik telah diedarkan kepada para pelajar di enam buah fakulti dan 97.5% (390) borang telah dikembalikan. Walau bagaimanapun, hanya 367 borang telah dianalisa berdasarkan saiz sampel yang sepatutnya.

Borang soal selidik yang merupakan instrumen utama kajian, mempunyai tiga bahagian utama, merangkumi Bahagian A-profil responden, Bahagian B1-pengetahuan kewangan responden, B2-sikap responden, B3-pengaruh rakan sebaya, dan Bahagian C-tingkah laku kewangan responden. Pengukuran item bagi Bahagian B dan C adalah menggunakan skala Likert lima peringkat iaitu 1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=tidak pasti, 4=setuju, 5=sangat setuju.

Kajian rintis dilakukan bagi menguji kebolehpercayaan instrumen dengan hasil nilai Alpha Cronbach bagi pengetahuan kewangan adalah sebanyak 0.65, sikap sebanyak 0.62, pengaruh rakan sebanyak 0.61, dan tingkah laku kewangan dengan nilai 0.63. Menurut Moss et al. (1998), nilai Alpha Cronbach melebihi 0.6 mempunyai kebolehpercayaan yang boleh diterima. Analisis data adalah secara diskriptif bagi menjelaskan profil responden. Manakala ujian kolerasi Pearson digunakan bagi menentukan kekuatan hubungan di antara pemboleh ubah pengetahuan kewangan, sikap, dan pengaruh rakan, dengan tingkah laku kewangan.

DAPATAN KAJIAN

Analisa Demografi Responden

Jadual 1 di bawah memaparkan analisa frekuensi bagi maklumat demografi responden. Dapatan analisa menunjukkan bahawa lebih ramai pelajar perempuan (56%) yang mengambil bahagian dalam kajian ini berbanding pelajar lelaki (44%). Sebanyak 36% responden berumur 18-21 tahun, manakala responden yang berumur 22-25 tahun pula adalah sebanyak 59%. Responden yang berumur 26-29 tahun pula adalah sebanyak 5% sahaja. Tiada responden daripada kalangan yang berumur 30 tahun dan ke atas. Dengan itu, majoriti responden bagi kajian ini adalah dari kalangan pelajar yang berumur 22-25 tahun.

Jadual 1: Maklumat Demografi Responden (N = 367)

Item	Kekerapan	Peratusan
Jantina:		
Lelaki	162	44.1
Perempuan	205	55.9
Umur:		
18-21 tahun	133	36.2
22-25 tahun	215	58.6
26-29 tahun	19	5.2
30 tahun dan ke atas	0	0
Peringkat Pengajian:		
Matrikulasi	22	6.0
Diploma	98	26.7
Ijazah Sarjana Muda	247	67.3
Master	0	0
Phd	0	0
Fakulti:		
FPM	114	31.0
FPPI	121	33.0
FSU	38	10.4
FP	33	9.0
FSTM	39	10.6
PM	22	6.0
Semester Pengajian:		
Semester 1	5	1.4
Semester 2	15	4.1
Semester 3	33	9.0
Semester 4	109	29.7
Semester 5	34	9.3
Semester 6	64	17.4
Semester 7	106	28.9
Semester 8	1	0.3
Semester 9 ke atas	0	0

Majoriti responden bagi kajian ini merupakan pelajar Izazah Sarjana Muda iaitu seramai 247 orang (67%), diikuti pelajar Diploma seramai 98 orang (27%) dan pelajar Matrikulasi seramai 22 orang (6%). Tiada pelajar di peringkat Izazah Sarjana dan Izazah Doktor Falsafah terlibat sebagai responden bagi kajian ini.

Responden yang paling ramai adalah daripada Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) iaitu sebanyak 121 orang (33%), diikuti dengan Fakulti Pengurusan Muamalah (FPM)

iaitu seramai 114 orang (31%). Seramai 39 orang (11%) adalah daripada Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM), dan pelajar daripada Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU) adalah sebanyak 38 orang (10%). Manakala daripada Fakulti Pendidikan (FP) adalah seramai 33 orang (9%) dan daripada Pusat Matrikulasi (PM) hanya terdapat 22 orang pelajar (6%) sahaja.

Berdasarkan semester pengajian pula, pelajar semester 4 dan semester 7 adalah yang paling ramai terlibat dalam kajian ini dengan masing-masing sebanyak 30% dan 29% daripada keseluruhan pelajar yang terlibat.

Analisa Kolerasi dan Perbincangan Hipotesis Kajian

Analisa kolerasi telah dijalankan bagi menguji ketiga-tiga hipotesis dan seterusnya menjawab persoalan kajian ini. Penggunaan kolerasi Pearson adalah bertujuan untuk menguji kekuatan hubungan di antara dua pembolehubah iaitu pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar (Kumar, Talib & Ramayah, 2013).

Jadual 2: Kolerasi Hubungan antara Pengetahuan Kewangan, Sikap dan Pengaruh Rakan, dengan Tingkah Laku Kewangan

		Tingkah Laku Kewangan	Pengetahuan kewangan	Sikap	Pengaruh Rakan
Tingkah Laku Kewangan	Pearson Correlation	1	.382**	.985**	.189**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000	.000
	N	367	367	367	367
Pengetahuan Kewangan	Pearson Correlation	.382**	1	.364**	.171**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000	.001
	N	367	367	367	367
Sikap	Pearson Correlation	.985**	.364**	1	.182**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000		.000
	N	367	367	367	367
Pengaruh Rakan	Pearson Correlation	.189**	.171**	.182**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.001	.000	
	N	367	367	367	367

**Kolerasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung)

Berdasarkan Jadual 2 di atas, dapatan analisa kolerasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara ketiga-tiga faktor penyumbang yang dikaji meliputi pengetahuan kewangan, sikap dan pengaruh rakan dengan tingkah laku kewangan kerana kesemuanya mempunyai hubungan yang signifikan < 0.01 (1%).

Hipotesis 1 kajian ini meramalkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan kewangan dengan tingkah laku kewangan. Melalui dapatan ujian korelasi yang telah dijalankan iaitu $r = 0.382$, dan $p = 0.000$, ianya membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan kewangan dengan tingkah laku kewangan. Oleh itu, hipotesis kajian yang mengatakan terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan kewangan dengan tingkah laku kewangan dalam kalangan pelajar di KUIS adalah disokong. Walau bagaimanapun, kekuatan hubungan di antara dua pembolehubah ini adalah pada tahap yang rendah.

Hipotesis 2 pula meramalkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dengan tingkah laku kewangan. Analisa korelasi yang telah dijalankan membawa dapatan $r = 0.985$, dan $p = 0.000$, membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dengan tingkah laku kewangan. Oleh itu, hipotesis kajian yang mengatakan terdapat hubungan

yang signifikan di antara sikap pelajar KUIS dengan tingkah laku kewangan mereka adalah disokong. Kekuatan hubungan di antara dua pembolehubah ini adalah pada tahap yang sangat tinggi.

Manakala hipotesis 3 pula meramalkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pengaruh rakan dengan tingkah laku kewangan. Analisa korelasi yang telah dijalankan membawa dapatan $r = 0.189$, dan $p = 0.000$, juga turut membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pengaruh rakan dengan tingkah laku kewangan. Oleh itu, hipotesis kajian yang mengatakan terdapat hubungan yang signifikan di antara pengaruh rakan dengan tingkah laku pelajar KUIS adalah disokong. Namun, kekuatan hubungan di antara dua pembolehubah ini berada pada tahap yang rendah.

Ringkasan penemuan kajian ini adalah seperti Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Ringkasan Penemuan Kajian

Persoalan Kajian	Objektif Kajian	Hipotesis Kajian	Hasil Kajian	Sokongan Kajian Lepas
Apakah faktor-faktor penyumbang kepada tingkah laku kewangan dalam kalangan pelajar KUIS?	Untuk mengkaji hubungan di antara pengetahuan kewangan, sikap, dan pengaruh rakan dengan tingkah laku kewangan dalam kalangan pelajar KUIS.	Terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan kewangan dengan tingkah laku kewangan	Signifikan. Hipotesis disokong.	Wijaya dan Yanuar (2021); Yong et al. (2018)
		Terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dengan tingkah laku kewangan	Signifikan. Hipotesis disokong.	Ahmad et al. (2019); Herdjiono dan Damanik (2016); Prihartono et al., (2018); Othman (2017)
		Terdapat hubungan yang signifikan di antara pengaruh rakan dengan tingkah laku kewangan	Signifikan. Hipotesis disokong.	Kamala Azmi dan Othman (2017)

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor yang diramal mempengaruhi tingkah laku kewangan pelajar iaitu pengetahuan kewangan, sikap dan pengaruh rakan telah berjaya dibuktikan sebagai faktor yang signifikan mempengaruhi tingkah laku kewangan pelajar. Di antara kesemuanya, sikap pelajar didapati mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan tingkah laku kewangan. Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa pengaruh besar terhadap tingkah laku kewangan pelajar KUIS adalah sikap mereka sendiri yang mungkin telah terbentuk daripada mereka kecil lagi.

Dua faktor lain yang turut sama mempengaruhi tingkah laku kewangan mereka adalah pengetahuan kewangan dan pengaruh rakan. Walaupun kesan pengetahuan kewangan dan pengaruh rakan terhadap tingkah laku kewangan pelajar adalah signifikan tetapi ianya hanya berada pada tahap yang rendah sahaja. Justeru, untuk meningkatkan pengamalan tingkah laku kewangan yang baik dalam kalangan pelajar, ibu bapa, kaum keluarga dan para pendidik perlulah memainkan peranan yang sebaiknya dalam memupuk sikap yang baik dalam diri para pelajar terutamanya yang berkaitan dengan pengurusan kewangan peribadi mereka. Selain itu, meningkatkan pengetahuan kewangan mereka dan memastikan mereka bergaul dengan rakan-rakan yang mempunyai tingkah laku kewangan yang baik juga akan turut membantu pelajar untuk mempraktikkan tingkah laku kewangan dengan baik.

Kajian ini diharap dapat memberi kesedaran kepada para pelajar berkaitan kepentingan pengetahuan kewangan, sikap dan pengaruh rakan kepada tingkah laku kewangan mereka. Kepada masyarakat, kajian ini diharap dapat membantu mereka untuk mengenal pasti punca-punca yang membawa kepada masalah kewangan, juga diharap dapat menyedarkan masyarakat untuk membuat perubahan sikap dan tingkah laku negatif seperti gaya hidup mewah dan suka berbelanja dengan boros. Sikap dan tingkah laku negatif berkaitan kewangan ini boleh mengakibatkan mereka terperangkap dengan hutang yang banyak sehingga boleh diisytiharkan bankrap. Kajian ini juga diharap turut dapat membantu memberi panduan kepada pengkaji lain pada masa akan datang.

Oleh kerana kajian ini hanya mengambil kira tiga faktor sahaja, adalah dicadangkan kepada pengkaji pada masa hadapan untuk mengkaji faktor-faktor lain seperti pendapatan ibubapa (Herdjiono & Damanik, 2016), keyakinan dan kepuasan kewangan (Wijaya & Yanuar, 2021), efikasi diri (Nyoto et al., 2021), dan cara hidup (Susanti & Widiastuti, 2021) yang juga diramal mempunyai hubungan dengan tingkah laku kewangan.

Rujukan

Ahmad, A., Butt, B. S., Moazzam, & Iram, S. (2019). Drivers influencing financial behavior among management students in Narowal. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(2), 656–666. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v9-i2/5602>

Chavali, K., Raj, P. M., & Ahmed, R. (2021). Does financial behavior influence financial well-being? *Journal of Asian Finance, Economics and Business*, 8(2), 273–280. <https://doi.org/10.13106/jafeb.2021.vol8.no2.0273>

Herdjiono, I., & Damanik, L. A. (2016). Pengaruh financial attitude, financial knowledge, parental income terhadap financial management behavior. *Jurnal Manajemen Teori Dan Terapan*, 9(3), 226–241.

Ibrahim, D., Harun, R., & Mohamed Isa, Z. (2009). A study on financial literacy of Malaysian degree students. *Cross-Cultural Communication I*, 5(4), 51–59.

Iramani, R., & Lutfi, L. (2021). An integrated model of financial well-being: The role of financial behavior. *Accounting*, 7(3), 691–700. <https://doi.org/10.5267/j.ac.2020.12.007>

Jorgensen, B. L. (2007). *Financial Literacy of College Students: Parental and Peer Influences*.

Kamala Azmi, N. F., & Othman, N. (2017). Tingkah laku mahasiswa dalam menguruskan wang pembiayaan pendidikan. *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)*, 601–609.

Karunaanithy, K., Karunanithy, M., & Santhirasekaram, S. (2017). Understanding and responding to youth savings behaviour: evidence from undergraduates in the war torn regions of Sri Lanka. *EPRA International Journal of Research and Development (IJRD)*, 2(1), 124–131.

Khoong, T. W. (2016). Perancangan kewangan dan aplikasi teori tingkah laku kewangan dan teori keperluan Maslow : Kajian kes KWSP di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(8), 10–21.

Kotzé, L., & Smit, A. (2008). Personal financial literacy and personal debt management: the potential relationship with new venture creation. *The Southern African Journal of Entrepreneurship and Small Business Management*, 1(1), 35-50. [doi:10.4102/sajesbm.v1i1.11](https://doi.org/10.4102/sajesbm.v1i1.11)

Kumar, M., Talib, S.A. & Ramayah, T.(2013) Business research methods. Oxford Fajar/Oxford University Press.

Krejcie, R., & Morgan, D. (1970), Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.

- Lieber, E. M. J., & Skimmyhorn, W. (2018). Peer effects in financial decision-making. *Journal of Public Economics*, 163, 37–59. <https://doi.org/10.1016/j.jpubeco.2018.05.001>
- Malaysian Financial Literacy Survey 2020. RinggitPlus. <https://www.fenetwork.my/wp-content/uploads/2020/11/RinggitPlus-Financial-Literacy-Survey-Full-Report.pdf>
- Mandell, L., & Klein, L. S. (2009). The impact of financial literacy education on subsequent financial behavior. *Journal of Financial Counseling and Planning*, 20(1), 15-24.
- Moss, S.C., Prosser, H., Costello, H. (1998). Reliability and validity of the PAS-ADD checklist for detecting psychiatric disorders in adults with intellectual disability. *Journal of Intellectual Disability Research*, 42, 173-183.
- Nyoto, Renaldo, N., Karuppannan, G., Bhuiyan, A. B., & Kumarasamy, M. M. (2021). The determinance of the financial behavior among graduate students in Indonesia. *Australian Finance & Banking Review*, 5(1), 29–42. <https://doi.org/10.46281/afbr.v5i1.1009>
- Othman, M.A., (2017). Kajian faktor-faktor literasi, sosialisasi dan tingkah laku pengguna terhadap perancangan kewangan Islam berdasarkan teori tingkah laku yang terancang dalam kalangan kakitangan awam di Wilayah Persekutuan, Putrajaya. *Tesis PhD*. Universiti Malaya.
- Plotnik, R., & Kouyoumdjian, H. (2008). Introduction to psychology (9th Edition). United States of America: Wadsworth Cengage Learning.
- Pradiningtyas, T. E., & Lukiastuti, F. (2019). Pengaruh pengetahuan keuangan dan sikap keuangan terhadap locus of control dan perilaku pengelolaan keuangan. *Jurnal Minds: Manajemen Ide Dan Inspirasi*, 6(1), 96–112.
- Prihartono, M. R. D., Asandimitra, N., & Asandimitra, N. (2018). Behaviour analysis factors influencing financial management behaviour. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(8), 308–326. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v8-i8/4471>
- Radianto, W. E., Effrata, T. C., & Dewi, L. (2020). A determinants of financial behavior on accounting student. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5(37), 44–55. <https://doi.org/10.35631/ijepc.537004>
- Rizkiawati, N. L., & Asandimitra, N. (2018). Pengaruh demografi, financial knowledge, financial attitude, locus of control dan financial self-efficacy terhadap financial management behavior masyarakat Surabaya. *Jurnal Ilmu Manajemen*, 6(3), 93-107.
- Sabri, M. F., Macdonald, M., K. Hira, T., & Masud, J. (2010). Childhood consumer experience and the financial literacy of college students in Malaysia. *Family & Consumer Sciences Research Journal*, 38(4), 455–467. <https://doi.org/10.1111/j.1552-3934.2010.00038.x>
- Statistik Kebankrapan 2020. Jabatan Insolvensi Malaysia. <http://www.mdi.gov.my/images/documents/Statistics/Bankruptcy/BRIEFNOTEKEBANKRA PANDISEMBER2020.pdf>
- Susanti, A., & Widiastuti, S. (2021). Personal financial behavior in Surakarta students. *International Journal of Entrepreneurship, Business and Creative Economy*, 1(1), 66–73. <https://doi.org/10.31098/ijebce.v1i1.448>
- Wijaya, I., & Yanuar. (2021). Pengaruh financial knowledge, financial satisfaction, financial confidence terhadap financial behavior. *Jurnal Manajemen Bisnis Dan Kewirausahaan*, 5(1), 72–76.
- Yong, C., Yew, S., & Wee, C. (2018). Financial knowledge , attitude and behaviour of young working adults in Malaysia. *Institutions and Economics*, 10(4), 21–48.